

HARGA DOKUMEN

RM 40.00



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

DOKUMEN SEBUT HARGA

UNTUK

NO. SEBUT HARGA: MPK 300-2/2/27

**KERJA-KERJA PEMBEKALAN KASUT RASMI PENGUATKUASA
MAJLIS PERBANDARAN KLANG TAHUN 2019.**

Pendaftaran	: Kementerian Kewangan (MOF) Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) E-Tender Negeri Selangor
Kelayakan	: KEMENTERIAN KEWANGAN
Kod	: 020801
Tarikh Iklan	: 17.12.2018
Tarikh Taklimat	: 21.12.2018
Tarikh Jual Dokumen	: 26.12.2018
Tarikh Tutup S/harga	: 02.01.2018
Tempoh Perkhidmatan	: 4 BULAN
Penyata Bank	: September 2018, Oktober 2018, November 2018

SENARAI SEMAKAN DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA

NO. FAIL:

Sila tandakan (/) bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda oleh Syarikat	Untuk Di tanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
1	Salinan Resit Pembelian dokumen	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Surat Akuan Pembida yang diisi lengkap – Lampiran A1 m/s 2/1/1	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Borang Q yang diisi lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) serta ditandatangani dan bercop– m/s Q2	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Surat Pengakuan Kebenaran Maklumat Dan Keesahan Dokumen yang dikemukakan oleh petender telah diisi lengkap. – Borang A m/s A1 & A2	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran yang masih sah dari MOF / Sijil Akuan Bumiputera (Jika Berkaitan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank Syarikat yang disahkan bagi 3 bulan terakhir (Sept. 2018, Okt. 2018, Nov. 2018) (Pengesahan perlu mempunyai cop bank, nama pegawai bank, tandatangan dan nombor pegawai bank)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada)</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p>	

***Nota :- Kesemua Perkara/Dokumen diatas adalah mandatori**

BAHAGIAN - A
DOKUMEN TAWARAN
KEWANGAN



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

NO. SEBUT HARGA: MPK 300-2/2/27

**KERJA-KERJA PEMBEKALAN KASUT RASMI PENGUATKUASA
MAJLIS PERBANDARAN KLANG TAHUN 2019.**

DOKUMEN TAWARAN KEWANGAN

<u>BIL</u>	<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>M/S</u>
1.	NOTIS SEBUT HARGA	1/1/2 – 1/2/2
2.	SURAT AKUAN PEMBIDA	2/1/1
3.	ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA	3/1/4 – 3/4/4
4.	SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA	4/10/1 – 4/10/10
5.	LAMPIRAN Q	Q1-Q2
6.	BORANG MAKLUMAT PENYEBUT HARGA	
	6.1 BORANG A : SURAT PERAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KEESAHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUTHARGA.	A/1-A/2
	6.2 BORANG B : MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA	B/1-B/2
	6.3 BORANG C : DATA-DATA KEWANGAN	C/1
	6.4 BORANG CA : LAPORAN BANK /INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUDKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA	CA1
7.	SENARAI KUANTITI	SK (1)-SK (3)

NOTIS SEBUT HARGA

NOTIS SEBUT HARGA

**KERJA-KERJA PEMBEKALAN KASUT RASMI PENGUATKUASA
MAJLIS PERBANDARAN KLANG TAHUN 2019.**

Tawaran adalah di pelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) di dalam:

KOD : **020801**
BERDAFTAR : Kementerian Kewangan (MOF)
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)
E-Tender Selangor

NO.TAWARAN : **MPK 300-2/2/27**

Dokumen Meja terkawal tawaran akan dipamerkan secara online mulai:

26/12/2018 Hingga: **01/01/2019**

Dokumen Tawaran akan dikeluarkan kepada wakil-wakil pemborong yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil pemborong hendaklah mengemaskini Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan (**MOF**), Unit Perancang Ekonomi Selangor (**UPEN**) dan E-tender Selangor di laman web <http://tender.selangor.gov.my>.

Sebarang pertanyaan berkenaan teknikal dan spesifikasi pembekalan, pihak pembekal boleh berhubung dengan **Jabatan Khidmat Pengurusan** di talian 03-3375 5555 EXT. 1506.

Tawaran akan ditutup pada : **02/01/2019**

Tawaran yang telah lengkap di isi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di:

**Bahagian Ukur Bahan, Tingkat 1,
Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Pusat Sumber),
Lot 175, Jalan Tengku Kelana, 41000 Klang,
Selangor Darul Ehsan**

Borang tersebut hendaklah sampai tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada tarikh tawaran ditutup. Tawaran yang lewat diterima dari masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

Penghantaran Dokumen Sebut Harga

PENYEBUT HARGA HENDAKLAH MENGEMBALIKAN DOKUMEN SEBUT HARGA SECARA BERASINGAN iaitu sekeping sampul surat utama yang diisi dengan satu sampul surat untuk Tawaran Kewangan dan satu sampul surat untuk Tawaran Teknikal.

Didalam Sampul Surat Utama tersebut akan diisi dengan perkara-perkara seperti susunan berikut :-

- i. Sampul Surat Tawaran Kewangan
- ii. Sampul Surat Tawaran Teknikal
- iii. *Addendum* yang telah disempurnakan (jika ada).

Ketua Bahagian
Bahagian Ukur Bahan
b.p Yang Di Pertua
Majlis Perbandaran Klang.

**SURAT PERAKUAN
PEMBIDA**

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**KERJA-KERJA PEMBEKALAN KASUT RASMI PENGUATKUASA MAJLIS
PERBANDARAN KLANG TAHUN 2019. (MPK 300-2/2/27)**

Saya, nombor K.P. yang mewakili

..... nombor Pendaftaran

..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS PERBANDARAN KLANG** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **MAJLIS PERBANDARAN KLANG** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

()

Cop Syarikat :

Catatan: * Potong mana yang tidak berkaitan

**ARAHAN KEPADA
PENYEBUTHARGA**

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

1. HAK MAJLIS UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Majlis Perbandaran Klang adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad.

2. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan sebut harga

Penyebutharga adalah dikehendaki mengisi dengan **dakwat hitam** segala maklumat berikut dengan sepenuhnya: -

- a) Nilai Tawaran dan Tandatangan Kontraktor di Ringkasan Sebut Harga
- b) Nilai Tawaran, Tempoh dan Tandatangan dalam Borang Sebut Harga Kerja / Lampiran Q.
- c) Senarai Kerja Dalam Tangan
- d) Jadual Kadar Harga (Jika ada)
- e) Butir-Butir Spesifikasi (Jika ada)

Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas penyebutharga hendaklah menandatangani ringkas semua pembetulan. (Penggunaan cecair pemadam adalah dilarang sama sekali.)

Penyebutharga perlu mengemukakan Perkara/Dokumen dengan lengkap seperti di Senarai Semakan Dokumen Tawaran Sebutharga Kerja / Bekalan & Perkhidmatan.

Penyebutharga juga perlu mengemukakan maklumat-maklumat lain yang diperlukan bersama satu profail syarikat (***lengkap dengan pendaftaran dan laporan kewangan untuk 3 bulan terakhir yang telah disahkan***).

Borang Sebutharga Kerja / Lampiran Q tersebut hendaklah ditandatangani oleh seorang pemilik syarikat atau yang dinamakan di dalam Sijil CIDB (bagi kerja) /MOF (bagi bekalan dan perkhidmatan) atau Borang 49 dan juga ditandatangani oleh seorang saksi.

2.2 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

- a) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap dan **dibukukan** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlarki yang dicatatkan dengan bilangan sebut harga **MPK 300-2/2/27** serta tajuk sebut harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

- b) Jika Dokumen sebut harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.
- c) Sebut harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab tidak akan dipertimbangkan.
- d) Kegagalan kontraktor mengembalikan dokumen sebut harga pada tarikh tutup sebut harga akan dianggap tidak berminat.

2.3 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebutharga boleh menghubungi pejabat ini untuk penjelasan lanjut di talian: **03-3375 8014**.

3. TEMPOH SIAP MAKSIMA

- 3.1 Penyebutharga hendaklah menawarkan Tempoh Siap Kerja tidak melebihi empat **(4)** bulan.
- 3.2 Penyebutharga yang menawarkan tempoh siap kerja melebihi tempoh di atas tidak akan dipertimbangkan.

4. BAYARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen Sebut harga ini dijual dengan harga **RM40.00** (Ringgit Malaysia: **Empat Puluh** sahaja)

5. PERBELANJAAN PENYEDIAAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan sebut harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebutharga sendiri.

6. TEMPOH SAH SEBUT HARGA

Sebut harga ini sah selama sembilan puluh **(90)** hari dari tarikh tutup sebut harga. Penyebutharga tidak boleh menarik balik sebut harganya sebelum tamat tempoh sah sebut harga. Pengesyoran tindakan tatatertib akan diambil sekiranya Penyebutharga menarik balik sebut harga sebelum tamat tempoh sah sebut harga.

7. PEMBELIAN SEBUT HARGA

Setiap **SATU Syarikat** hanya dibenarkan membeli **SATU Dokumen** sahaja.

8. INTERGRITI PACK

Penyebutharga adalah **wajib** mengemukakan **Surat Akuan Pembida** seperti lampiran bersama-sama dengan dokumen sebut harga di mana ia berwaad untuk tidak akan menawarkan / memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran tersebut. Surat Akuan Pembida adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian sebut harga. Sekiranya gagal mengemukakan Surat Akuan Pembida tersebut, penyebutharga akan dinilai sebagai **gagal** dalam penilaian sebut harga.

9. LAWATAN TAPAK /TAKLIMAT

9.1 Lawatan tapak/taklimat adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam iklan sebut harga.

9.2 Jika dinyatakan lawatan tapak/taklimat sebagai **Wajib**, penyebutharga adalah diwajibkan untuk menghadiri lawatan tapak tersebut pada masa dan tempat yang ditetapkan.

9.3 Jika dinyatakan lawatan tapak sebagai **Digalakkan**, penyebutharga hanyalah dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan tawarannya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebut harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

10. PERLAKSANAAN CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN (CJCP)

- 10.1 Semua nilai tawaran bekalan / perkhidmatan oleh pembekal / syarikat hendaklah dikemukakan tanpa kenaan CJCP.
- 10.2 Pembekal / Syarikat hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran CJCP kepada pihak MPK.
- 10.3 Sekiranya syarikat yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), MPK akan mengeluarkan Surat Setuju Terima / Pesanan Tempatan / Inden Kerja kepada syarikat dengan nilai tawaran termasuk kenaan CJCP (bagi perolehan yang berkaitan).
- 10.4 Bagi pembekal / syarikat yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Jualan 2018 (Akta 806) dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta 807), namun akan menjadi syarikat yang berdaftar CJCP setelah ditawarkan perolehan tersebut, maka pembekal / syarikat hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak MPK berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta Cukai Jualan 2018 (Akta 806) dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (Akta 807).
- 10.5 Syarikat hendaklah membuat permohonan untuk pelarasan bagi kenaan CJCP. Pelarasan harga kenaan CJCP hendaklah dimaklumkan kepada Pegawai Pengawal. Sekiranya berlaku apa-apa cukai baru selepas daripada pelarasan tersebut MPK tidak bertanggungjawab ke atas cukai tersebut dan cukai tersebut perlu ditanggung oleh pembekal / syarikat.

**SYARAT-SYARAT
SEBUTHARGA**

SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA BAGI BEKALAN

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Kontraktor.

1. PEMERIKSAAN TAPAK

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti tapak dan sekitarnya, bentuk dan jenis tapak bina, takat dan jenis bekalan, bahan dan barang yang perlu bagi menyiapkan bekalan, cara-cara perhubungan dan laluan masuk ke tapak bina dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangka dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan sebut harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat dari kegagalan kontraktor memenuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2. BON PERLAKSANAAN BAGI KONTRAK BEKALAN

- i) Bon Perlaksanaan hanya dikenakan bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang melebihi RM200,000. Sebelum sesuatu kontrak bekalan atau perkhidmatan yang melebihi RM200,000 tetapi tidak melebihi RM500,000 disempurnakan, pembekal yang berjaya hendaklah memberi Bon Perlaksanaan sebanyak dua setengah peratus (2.5%) daripada nilai kontrak. Untuk kontrak yang melebihi RM500,000 pula, Bon Perlaksanaan yang diperlukan ialah sebanyak lima peratus (5%) daripada nilai kontrak. Bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan bermasa yang berkuat kuasa selama dua (2) tahun atau lebih, kadar peratus pengiraan Bon Perlaksanaan hendaklah ditentukan mengikut harga anggaran kontrak bagi setahun sahaja dan tidak daripada keseluruhan harga kontrak. Walau bagaimanapun, Bon Perlaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak bermasa.
- ii) Bon Perlaksanaan ini hendaklah dalam bentuk Jaminan Bank atau Jaminan Bank Islam atau Jaminan Syarikat Kewangan atau Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful, dalam Ringgit Malaysia (RM) dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan.
- iii) Bon Perlaksanaan ini akan dikembalikan sesudah kontrak disempurnakan dengan memuaskan.

3. PERATURAN PELAKSANAAN PENGHANTARAN BEKALAN

Bekalan yang dilaksanakan hendaklah mematuhi spesifikasi, pelan-pelan, butir-butir bekalan dalam Ringkasan Sebut Harga, syarat-syarat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga dan arahan Pegawai yang diberikuasa atau wakilnya.

4. SUB-SEWA DAN MENYERAH HAK KERJA

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan penghantaran bekalan kepada kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah Sebut Harga ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai yang diberikuasa.

5. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

6. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

7. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

8. BARANG SETARA

Sebut Harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

9. PERSETUJUAN

Majlis tidak terikat untuk Setuju Terima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.

10. PEMERIKSAAN

- (i) Majlis sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Kontraktor hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

11. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Kontraktor dikehendaki memperakui bahawa bekalan yang dibekalkan oleh kontraktor adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

12. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) apabila diminta, Kontraktor hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Majlis segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Perkara (i) dan (ii) di atas tidaklah memudaratkan apa-apa hak Majlis untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

13. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebut Harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan secara bertulis daripada Majlis.

14. TAFSIRAN

Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan Kontraktor bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

15. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

16. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

18. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

19. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

20. MATA WANG

Sebut Harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (**RM**).

21. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh Kontraktor.

22. RINGKASAN SEBUT HARGA

21.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga dan **Lampiran Q** hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.

21.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semula kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, bayaran lain-lain caj yang perlu dan berkaitan bagi penghantaran bekalan yang sempurna.

21.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi penyelarasan harga akibat daripada perubahan harga kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai kerajaan, sama ada dalam tempoh sah sebut harga atau dalam tempoh pembekalan.

21.4 Sekiranya Sebut Harga berasaskan Senarai Kuantiti Sementara, pengukuran semula hendaklah dibuat dan harga Sebut Harga hendaklah diselaraskan.

23. PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

23.1 Dokumen Sebut Harga adalah dikira jelas menjelaskan antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan penghantaran dengan sewajarnya sehingga siap mengikut tujuan dan maksud sebenar. Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan, maksud itu hendaklah difahamkan dengan munasabahnyanya dari Dokumen Sebut Harga itu.

23.2 Jika kontraktor mendapati terdapat apa-apa percanggahan di dalam Dokumen Sebut Harga, kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai yang diberikuasa untuk mendapatkan kepastian.

24. KERJA PERUBAHAN (VO) (Jika sebut harga melebihi RM200,000 sehingga RM500,000)

24.1 Pegawai yang diberikuasa boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan pembekalan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai yang diberikuasa boleh membatalkan Sebut Harga ini.

24.2 Semua kerja perubahan dan/atau tambahan yang diluluskan oleh Pegawai yang diberikuasa akan diukur dan dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti atau Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai yang diberikuasa dan kontraktor hendaklah digunakan.

24.3 Bagi perubahan kerja yang melibatkan kuantiti dan kos tambahan hendaklah tidak melebihi lima puluh (50%) peratus dari nilai harga kontrak asal.

25. TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN (DLP)

25.1 Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi sebut harga hendaklah sekurang-kurangnya **enam (6)** bulan dari tarikh kerja diperakukan siap.

25.2 Kontraktor dipertanggungjawabkan untuk memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang mungkin kelihatan yang disebabkan oleh bahan atau barang atau mutu hasil kerja yang tidak menepati sebut harga ini apabila diarahkan oleh pegawai yang diberikuasa dan dalam masa yang berpatutan/ bersesuaian. Kontraktor Hendaklah memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain atas kos kontraktor sendiri.

25.3 Sekiranya Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa kerosakan lain seperti yang diarahkan, Pegawai yang diberikuasa berhak memotong kos memperbaiki dari baki wang yang dibayar kepada kontraktor atau, jika baki itu tidak mencukupi, mengeluarkan surat pengesyoran kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk menggantung pendaftaran kontraktor dan menghantarkan salinan-salinan surat tersebut kepada Pengarah Kerja Raya Negeri/Ketua Jabatan, Bahagian Pembangunan Bumiputera, Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Perindustrian Pembinaan. Bagi Kerja-kerja elektrik /mekanikal, salinan surat hendaklah dihantar kepada Pengarah Cawangan Kerja Elektrikal/ Pengarah Cawangan Kerja Mekanikal.

26. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar kepada kontraktor setelah siap kerja pembekalan dengan sempurna, dokumen kontrak telah ditandatangani dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan kepada kontraktor.

27. PERAKUAN SIAP KERJA

Pegawai yang diberikuasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Kerja sebaik sahaja kerja disiapkan dengan sempurna dan memuaskan. Tarikh siap kerja ini bermula dari Tempoh Tanggungan Kecacatan.

28. PERAKUAN SIAP MEMBAIKI KECACATAN

Pegawai yang diberikuasa hendaklah mengeluarkan Perakuan Siap Membaiki Kecacatan sebaik sahaja kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan ataupun apa-apa jua kerosakan lain.

29. PENAMATAN PELANTIKAN KONTRAKTOR

29.1 Pegawai yang diberikuasa berhak membatalkan Pesanan Majlis sekiranya kontraktor berada dalam keadaan berikut;

- (a) sekiranya Kontraktor gagal menghantar bekalan dalam tempoh masa penghantaran atau dalam tempoh lanjutan masa yang diberikan;
- (b) kemajuan penghantaran bekalan terlalu lembab tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (c) penggantungan pelaksanaan keseluruhan atau sebahagian bekalan, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;
- (d) tidak mematuhi arahan Pegawai yang diberikuasa tanpa apa-apa sebab yang munasabah; atau
- (e) apabila Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

29.2 Menerima surat amaran daripada pegawai yang diberikuasa berkenaan perkara di atas.

29.3 Sekiranya Pelantikan kontraktor ditamatkan, pengesyoran tindakan tatatertib oleh Kementerian Kewangan Malaysia akan diambil terhadap kontraktor.

30. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-Undang Kecil dan Undang-Undang Berkanun di dalam Malaysia semasa pelaksanaan pembekalan. kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan syarat-syarat ini.

31. PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK (Jika sebut harga melebihi RM200,000 sehingga RM500,000)

Pelanjutan tempoh kontrak boleh diberikan kepada kontraktor sekiranya diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Majlis sebanyak **satu (1)** kali sahaja dan tempoh maksimum adalah sehingga **dua (2)** tahun tanpa melibatkan perubahan kadar harga dan syarat-syarat lain dalam kontrak.

32. PEMOTONGAN PEMBAYARAN

Kerja pembekalan mestilah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan di dalam **Surat Tawaran Sebut Harga**. Kegagalan kontraktor menyiapkan kerja dalam tempoh tersebut atau dalam masa yang dilanjutkan oleh Pegawai yang diberikuasa secara bertulis serta pelbagai kesalahan lain yang ditemui, maka ganti rugi tertentu yang ditetapkan (LAD) / denda **sebanyak 0.5% daripada nilai kontrak bagi setiap hari kelewatan yang berlaku** atau seperti di dalam **Lampiran A atau Surat Tawaran Sebut Harga** akan dikenakan.

33. MENGGANTI PERALATAN YANG PECAH / ROSAK / HILANG

Kontraktor adalah dikehendaki membayar gantirugi atau menggantikan alat-alat atau harta benda milik Majlis atau pelawat atau pihak yang berurusan di dalam premis Majlis yang dirosakkan/ pecah/ hilang atas kecuaiannya atau disebabkan oleh pekerja Kontraktor di dalam tempoh perkhidmatan, sekurang-kurangnya dalam bentuk barang-barang yang sama. Kegagalan kontraktor untuk berbuat sedemikian akan menyebabkan potongan bayaran bulanan dibuat berasaskan harga asal barangan berkenaan. Dalam keadaan ini sebarang bantahan dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.

34. DISENARAIHITAM DAN DENDA BAGI PENOLAKAN TAWARAN SEBUT HARGA

Mana-mana kontraktor yang menolak tawaran Sebut Harga oleh Majlis yang ditawarkan mengikut harga bidaan syarikat, maka syarikat tersebut akan disenaraihitam oleh Majlis selama selama **dua (2)** tahun dan akan dikenakan denda sebanyak **sepuluh (10%)** peratus daripada nilai kontrak. Pembayaran denda hendaklah dijelaskan dalam tempoh **empat belas (14)** hari dari tarikh tawaran dikeluarkan kepada kontraktor.

35. PENAMATAN KONTRAK OLEH YANG DIPERTUA

Tiada apa-apa peruntukan di dalam Kontrak ini boleh mengecualikan kuasa Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Klang untuk menamatkan Kontrak ini yang pada pandangannya wajar tanpa memberi apa-apa sebab dengan memberi **satu (1)** bulan notis secara bertulis kepada kontraktor.

Nama Syarikat :

Tandatangan Kontraktor :

Alamat/ Cop Kontraktor :
.....
.....

Tarikh :

LAMPIRAN Q

LAMPIRAN Q (ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga: MPK 300-2/2/27

KERAJAAN MALAYSIA NEGERI SELANGOR

SEBUTHARGA UNTUK PEMBEKALAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Penjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat).....	Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan
.....	Oleh Majlis / Jabatan
.....	Ketua Bahagian Ukur Bahan
No. Telefon:	Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Elibrary)
No. Pendaftaran dengan Kementerian	Lot 175, Jalan Tengku Kelana
Kewangan:	4100 Klang
Kod bidang pendaftaran yang relevan.	Selangor.
Dengan pembelian ini 020801	No. Telefon: 03-3375 8010
	Tarikh: _____

Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

- 1.1 Syarat penyerahan / penyempurnaan seperti di dalam Dokumen Sebut Harga **MPK 300-2/2/27.**
- 1.2 Arahan pengiriman **seperti di dalam Dokumen Sebut Harga MPK 300-2/2/27** Tarikh tutup tawaran sebut harga ialah **02 Januari 2019 (Rabu)**
- 1.3 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan bertanda **No. Sebut Harga.**
- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada **02 Januari 2019.**
- 1.5 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90 hari** selepas tarikh tutup tawaran.

Tarikh: _____ 2019

Nama Pegawai : **Long Shalawati binti Mohd Sahit**
Jawatan : **Ketua Bahagian Ukur Bahan**

Bil	Perihal bekalan dan Syarat-syarat Khas	Kadar (RM)	Jumlah (RM) (dibawa dari jumlah koleksi)
	<p>Sebut Harga Pembekalan</p> <p style="text-align: center;">KERJA-KERJA PEMBEKALAN KASUT RASMI PENGUATKUASA MAJLIS PERBANDARAN KLANG TAHUN 2019.</p> <p style="text-align: center;">(MPK 300-2/2/27)</p> <p>(Sila isi harga keseluruhan sahaja dalam jadual ini. Maklumat terperinci perlu diisi dalam Jadual Senarai Kuantiti.)</p> <p>Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.</p>	JUMLAH	-----

- i. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- ii. Tarikh penyempurnaan4.....Bulan

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakhluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan :

Penyebut Harga :

Nama :

No. K/P :

Cop Syarikat :

.....

Tarikh :

**BORANG MAKLUMAT
PENYEBUT HARGA**

BORANG-BORANG MAKLUMAT YANG PERLU DILENGKAPI OLEH PENYEBUTHARGA

1. BORANG A - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KEESAHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUTHARGA
2. BORANG B - MAKLUMAT AM DAN LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA
3. BORANG C - DATA-DATA KEWANGAN
4. BORANG CA - LAPURAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA

BORANG A - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KEESAHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUTHARGA

Nama Kontraktor:

Alamat:
.....
.....

Kepada,

Ketua Bahagian Ukur Bahan,
Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Elibrary)
Lot 175, Jalan Tengku Kelana,
4100 Klang
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

Maklumat Latar Belakang, Kewangan Dan Teknikal Penyebutharga

1. Kami telah membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Penyebutharga termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama dokumen Sebut harga kami semasa mengemukakan Sebut harga ini untuk membolehkan MAJLIS menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang diSebut harga semasa penilaian Sebut harga.
2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang diSebut harga. Justeru itu Sebut harga kami akan hanya dipertimbang untuk diperakukan kepada Jawatankuasa Sebut harga untuk disetujui terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang diSebut harga mengikut penilaian MAJLIS berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semula maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta bersama-sama Sebut harga kami sebelum Sebut harga ditutup dan maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambil kira dalam penilaian keupayaan kami.
4. Kami mengaku bahawa maklumat-maklumat dan data-data yang kami berikan bersama-sama ini di Borang A, B, C, CA, D, E, F, G & GA dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap kami dan atau Sebut harga kami sekiranya mana-mana maklumat, data-data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar atau palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Sebut harga kami akan ditolak (disqualified) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan/atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan MAJLIS menilai keupayaan kami terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami seperti berikut:-
- (1) Salinan sah Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juru Audit yang bertauliah bagi Dua (2) tahun kewangan terakhir.
 - (2) Salinan sah Penyata Bulanan Bank Akaun Wang Dalam Tangan PENYEBUTHARGA bagi Tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebut harga.
 - (3) Laporan Jurutera Projek atas prestasi kerja semasa yang bukan projek MAJLIS atas Borang GA dalam satu sampul berlakri bagi setiap kerja semasa yang sedang dilaksanakan.
6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana Pegawai Kerajaan, Jurutera-Jurutera Projek, Bank dan Institusi Kewangan lain dan lain-lain atau mana-mana orang atau Firma yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh MAJLIS untuk menyemak maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Walau bagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

Yang benar,

.....
Tandatangan Penyebutharga

Tarikh:

Nama Penuh:
No. Kad Pengenalan:
Atas Sifat:
Yang diberi kuasa dengan sepenuhnya
untuk menandatangani Sebut harga ini untuk
dan bagi pihak:

.....
Meteri atau Cap Penyebutharga

Saksi :
Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Pekerjaan :
Alamat :
.....

Tarikh :

BORANG B - MAKLUMAT AM DAN LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA

1. Nama :

2. Alamat :
.....

No. Telefon : No. Fax :

3. Pendaftaran dengan CIDB :
(Sertakan Salinan Pendaftaran)

(i) No. Pendaftaran :

(ii) Tarikh Daftar : sah hingga

(iii) Gred dan Katogeri / pengkhususan :
.....

(iv) Taraf (Bumiputera / Bukan Bumiputera) :

(v) Jika Bumiputera, tempoh sah taraf : Dari hingga

4. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. nyatakan :

(i) Modal dibenarkan : RM.....

(ii) Modal dibayar : RM.....

5. Perniagaan Utama lain, jika ada :

(a) sejak

(b) sejak

6. Ahli-Ahli Syarikat
(i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Saham Modal Dipegang

- (ii) Ahli-ahli Pengurusan

Nama	Jawatan	Kelulusan Akademik/Iktisas

BORANG C - DATA-DATA KEWANGAN

(iii) Ringkasan harta dan emberty seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan (Balance Sheet)* yang diaudit bagi tahun kewangan terakhir

Asset * (A)	Liabiliti * (B)	Nilai Kewangan (Worth) (A-B)
Semasa: RM Tetap : RM ----- Jumlah : -----	Semasa: RM Tetap : RM ----- Jumlah : -----	Modal Pusingan: RM Modal Tetap : RM 'Nett Worth' : RM

B. Akaun Wang Di Tangan (Cash In Hand) **

(iii) Nama dan Alamat Bank di mana akaun di buka :

.....
.....

2. Nombor Akaun :

C. Kemudahan Kredit (jika ada)+

1. Nama dan Alamat Bank / Institusi Kewangan yang ember kemudahan Kredit:

.....
.....

2. Bentuk dan baki amaun yang boleh digunakan untuk projek pembinaan

(i) Overdraft atau Talian Kredit : RM

(ii) Overdraft bercagar : RM

(iii) Pinjaman Tetap yang akan/layak
diperolehi untuk projek : RM

RM

Peringatan Penting

* Sila sertakan salinan sah Akaun Syarikat bagi Dua (2) tahun kewangan terakhir yang disahkan dan diaudit oleh Juru Audit bertauliah (Certified Accountant) atau sekiranya tiada bagi tahun kewangan setahun sebelumnya bagi menyokong data-data yang diberi. Sebut harga yang tidak disertakan dengan Akaun ini akan ditolak.

** Sila sertakan salinan sah Penyata Bulanan Bank bagi Tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebut harga. Sebut harga yang tidak disertakan dengan penyata ini akan ditolak.

+ Sila dapat dan sertakan Laporan Sulit daripada pihak Bank/Institusi Kewangan atas format seperti Borang CA dalam satu sampul berlakri.

BORANG CA - LAPORAN BANK/INSTITUSI KEWANGAN MENGENAI KEDUDUKAN KEWANGAN PENYEBUTHARGA

(Borang ini hendaklah dilengkapkan oleh pihak Bank atau Institusi Kewangan lain dan diserahkan kepada Penyebutharga untuk disertakan bersama-sama Sebut harganya sekiranya Penyebutharga mempunyai Kemudahan Kredit dengan Bank/Institusi Kewangan yang berkenaan)

Kepada : Ketua Bahagian Ukur Bahan,
 Pejabat MPK Jalan Tengku Kelana (Elibrary)
 Lot 175, Jalan Tengku Kelana,
 4100 Klang
 Selangor Darul Ehsan.

Nama Penyebutharga :

Projek:

(A) Kemudahan Kredit yang boleh digunakan untuk pelaksanaan Projek :
Kemudahan Kredit yang telah diluluskan dan kemudahan kredit tambahan minimum yang layak diperolehi oleh Penyebutharga adalah seperti berikut:

	Bentuk Kemudahan Kredit	Baki drpd. yg. diluluskan	Tambahan min. yang akan diluluskan	Jumlah
(i)	Overdraft	RM	RM	RM
(ii)	Overdraft bercagar	RM	RM	RM
(iii)	Talian Kredit	RM	RM	RM
(iv)	Pinjaman Tetap yang akan / layak diperolehi untuk Projek	-	-	RM
(v)	RM	RM	RM
	Jumlah	RM	RM	RM

(*jika Projek diawardkan kepada penyebutharga)

(B) Ulasan-ulasan mengenai kedudukan kewangan dan akaun Penyebutharga :

.....
Tandatangan Untuk Dan Bagi Pihak Bank

Nama Bank : Nama Pegawai :
Meteri Bank : Jawatan :
Tarikh :

SENARAI KUANTITI

MPK 300-2/2/27

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

KERJA-KERJA PEMBEKALAN KASUT RASMI PENGUATKUASA MAJLIS PERBANDARAN KLANG TAHUN 2019.

Pendahuluan :

1. Kerja-kerja yang diliputi dalam kontrak ini mengandungi peruntukkan oleh pembekal/kontraktor dengan risiko dan kosnya sendiri bagi semua bahan-bahan, pekerja dan lain-lain perkara yang perlu untuk penyiapan kerja di atas mengikut spesifikasi dan kelulusan sepenuhnya oleh Pegawai Penguasa;
2. Majlis berhak mengubah mana-mana kuantiti yang tercatat di dalam Senarai Kuantiti yang dinyatakan;
3. Kuantiti yang tercatat di dalam Senarai Kuantiti adalah kuantiti sementara sahaja;
4. Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Klang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah.

Bil	Keterangan Kerja	Unit	Anggaran Kuantiti	Kadar (RM)	Jumlah (RM)
1.	<u>Nota:</u> Pemborong hendaklah mengisi segala butiran di dalam dokumen ini dengan lengkap seperti di dalam ruangan Maklumat Penyebutharga, Borang Kontrak, Senarai Kuantiti dan sebagainya. Kegagalan Pemborong mematuhi syarat-syarat yang diterangkan seperti di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan lain-lain yang berkaitan, maka Majlis BERHAK MENOLAK tawarannya.	-	-	-	-
2.	Sebarang butiran yang tidak dihargaikan adalah dianggap telah dimasukkan ke dalam harga butiran lain.	-	-	-	-

MPK 300-2/2/27

Bil.	Keterangan Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar	Jumlah (RM)
A	<u>PERMULAAN</u>				
1	Penyediaan untuk gerenti dan insuran-insuran seperti disenaraikan mengikut syarat-syarat sebutharga.	-	-	-	-
B	<u>KERJA-KERJA MEMBEKAL</u>				
1	Kasut Kulit Hitam Lelaki/*Wanita (Pegawai Penguatkuasa);	Psg	7		
2	Kasut Kulit Hitam Lelaki/*Wanita (Penguatkuasa Kanan);	Psg	18		
3	Kasut Kulit Hitam Lelaki/*Wanita (Penguatkuasa);	Psg	260		
4	Kasut Kulit Unit Trafik (Tinggi) Penguatkuasa;	Psg	18		
5	Kasut Kulit Operasi Lelaki/*Wanita (Pegawai Penguatkuasa);	Psg	7		
6	Kasut Kulit Operasi Lelaki/*Wanita (Penguatkuasa Kanan);	Psg	18		
7	Kasut Kulit Operasi Lelaki/*Wanita (Penguatkuasa);	Psg	279		
	* SILA SERTAKAN CONTOH KASUT				
	* PEMBEKAL HENDAKLAH MENGUKUR SAIZ KASUT				
	* SILA SERTAKAN CONTOH BAGI 'DESIGN' KASUT BARU YANG HENDAK DICADANG				
	JUMLAH DI BAWA KE KOLEKSI				

MPK 300-2/2/27

**KERJA-KERJA PEMBEKALAN KASUT RASMI PENGUATKUASA MAJLIS
PERBANDARAN KLANG TAHUN 2019.**

KOLEKSI	JUMLAH (RM)
SK (1)	-
SK (2)	
JUMLAH DI BAWA KE LAMPIRAN Q	

RINGGIT MALAYSIA :

.....

.....

TEMPOH SIAP :BULAN (Tidak Lebih.....3..... BULAN)

Nama KONTRAKTOR :

.....

.....

Nama SAKSI :

.....

.....

Alamat :

.....

.....

.....

Alamat :

.....

.....

.....

No. Kad Pengenalan :

No. Kad Pengenalan :

No. Telefon :

No. Telefon :

Tandatangan Kontraktor dan Cop :

Tandatangan Saksi :

.....

.....

Tarikh :

Tarikh :